

**Polis Sarawak Nasihat Orang Ramai Tidak Terpedaya Kegiatan Minta Sumbangan PRU13**  
**Bernama**  
**24 April, 2013**

KUCHING, 24 April (Bernama) -- Orang ramai dinasihatkan supaya tidak terpedaya dengan individu atau kumpulan yang meminta sumbangan yang didakwa untuk kegunaan kempen pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Pegawai Pentadbiran Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Sarawak, ACP Azam Abd Hamid berkata polis menerima laporan terdapat individu dan kumpulan yang meminta sumbangan menggunakan nama Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Kita telah menerima aduan orang awam terdapat individu dan kumpulan yang meminta sumbangan untuk kegunaan kempen. Ini tidak sepatutnya berlaku dan kita minta mana-mana pihak jika mereka didatangi bagi tujuan pengumpulan dana untuk sesuatu kempen supaya tampil membuat laporan polis.

"Individu serta kumpulan tersebut sebenarnya bertindak tanpa persetujuan mana-mana pihak, dengan menyalahgunakan nama agensi-agensi dan pertubuhan. Jika didatangi mereka, boleh minta surat kebenaran untuk pengesahan," katanya pada sidang akhbar di Pusat Media IPK Sarawak, Kuching, Rabu.

Sementara itu, Azam yang merupakan jurucakap rasmi polis Sarawak bagi PRU13 berkata, polis kini turut memantau perkembangan aktiviti pertaruhan yang berlaku semasa PRU13.

"Kita sudah beri amaran awal, menjadi kesalahan di bawah Akta Pertaruhan mahupun di bawah Akta Pilihanraya, Seksyen 10, jadi kita minta kerjasama orang ramai jika mereka dihampiri sindiket untuk tujuan pertaruhan ataupun mereka sendiri membuat pertaruhan, untuk tampil ke hadapan kerana adalah menjadi satu kesalahan jika melibatkan diri dalam sebarang pertaruhan," katanya.

Dalam pada itu, Azam berkata dalam tempoh 24 jam lepas, sebanyak 95 ceramah dan kempen PRU13 telah diadakan di seluruh Sarawak, dan tiada sebarang insiden buruk dilaporkan.

"Walaupun tiada insiden menarik semasa kempen dan ceramah diadakan, masih berlaku tindakan yang tidak sepatutnya seperti menurunkan bendera, dan mengoyakkan bendera. Adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana pihak untuk menconteng, menurun, mengoyak serta menghilangkan bendera yang telah dipasang.

"Dan kepada pemilik premis yang tidak berpuashati jika bendera dipasang di premis, sila laporkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan jangan buat tindakan sendiri," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944830>